

PM tidak tolak konspirasi guling Kerajaan Perpaduan

Anwar yakin gabungan empat parti mampu tangkis komplot

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menolak wujudnya konspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan, namun menegaskan ia sebagai tidak berasas.

Sebaliknya, Perdana Menteri meminta semua pihak supaya tidak melayan pihak yang ingin berkomploit menjatuhkan kerajaan.

Beliau berkata, gabungan empat parti politik utama Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) adalah cukup kuat dan berupaya untuk menangkis komplot menjatuhkan kerajaan selain sudah menyatakan komitmen untuk mempertahankan Kerajaan Perpaduan.

"Komplot ada, tetapi tidak ada asasnya, kita tumpu kerja, kalau dia (pengkomplot) tak ada kom-



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar serta Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil pada majlis sambutan Hari Pekerja 2023 di PICC, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

plot, dia kerja apa? Maknanya dia jalankan tugas dia, setiap bulan dia ada strategi.

"Jadi, kita tumpu kerja dan jangan layan pengigau," katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan sambutan Hari Pekerja 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICG) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Malar Santhi Santherasegapan menerima Anugerah Pekerja Contoh yang disampaikan Anwar.

Doktor berusia 40 tahun di Jabatan Kecemasan Hospital Columbia Asia di Cheras itu men-

ganggap anugerah itu sebagai pemangkin semangatnya untuk terus berkongsi tip kesihatan berguna kepada rakyat.

"Kalau boleh saya nak kurangkan kesesakan di hospital dengan memberi ilmu serta tip kesihatan kepada orang ramai," katanya.

Sebuah portal berita sebelum ini melaporkan wujud usaha menggulingkan Kerajaan Perpaduan selepas beberapa Ahli Parlimen dari BN didakwa dipujuk individu penting untuk meninggalkan

parti mereka dengan mengorbankan kerusi dimenangi.

Dengan memetik sumber, portal itu mendedahkan sekurang-kurangnya 12 ahli Parlimen BN menjadi sasaran dalam konspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pentadbirannya ketika ini amat kuat dengan didukung parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan.

Justeru, beliau meminta semua pihak supaya tidak melayan pihak yang sengaja mahu menimbulkan keresahan.